
LANGKAH PEMERINTAH MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN

MEMUPUK PATRIOTISME

- Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan rasa cinta terhadap negara.
- Mewajibkan Sejarah sebagai mata pelajaran teras dalam sistem persekolahan negara bagi melahirkan generasi yang peka dengan sejarah negara.
- Menganjurkan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk semangat patriotisme.
- Memberikan pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabadikan nama pada bangunan dan jalan.

MENGUKUHKAN PERTAHANAN NEGARA

- Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara.
- Mengadakan perjanjian pertahanan dan latihan ketenteraan bersama dengan negara serantau dan antarabangsa.
- Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan.
- Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran semasa.



MENGEKALKAN PERPADUAN KAUM

- Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi.
- Merangka program dan kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan.

MEWUJUDKAN KESTABILAN POLITIK DAN KEMAKMURAN EKONOMI

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap.
- Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran.
- Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil untuk semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi.
- Melaksanakan undang-undang negara berdasarkan perlembagaan.

